

Usaha Dr. Diouf bawa Dr.

Oleh G. MANIMARAN

UM 29 NOV 2003

ROM — Orang yang pasti lebih gembira tentunya Ketua Pengarah Pertubuhan Makanan dan Pertanian (FAO), Dr. Jacques Diouf apabila Tun Dr. Mahathir Mohamad tiba di pejabat agensi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) itu yang terletak di Caracalla di sini, pagi esok.

Diouf dikatakan telah memperlihatkan kesungguhan untuk membawa Dr. Mahathir berucap pada sesi khas sempena pembukaan Sidang Dua Tahun Sekali Kali ke-32 FAO.

Usaha itu termasuklah kunjungan Diouf ke Kuala Lumpur sempena Sidang Kemuncak Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM) pada Februari lalu.

Utusan Malaysia difahamkan Dr. Mahathir telah memaklumkan kepada Diouf bahawa ketika sesi khas

FOKUS

FAO itu diadakan pada penghujung tahun, beliau tidak lagi memegang jawatan Perdana Menteri.

Diouf bertegas dan mahu memastikan bahawa Dr. Mahathir hadir sekali pun bukan sebagai ketua kerajaan, tetapi selaku pemimpin yang berpandangan luas dan jauh serta disegani di peringkat antarabangsa.

Usaha untuk membawa Dr. Mahathir telah dimulakan oleh Diouf sejak dua tahun yang lalu. Akhirnya, Dr. Mahathir menerima jemputan khas Diouf untuk memberikan pandangan. Kehadiran Dr. Mahathir di Ibu Pejabat FAO merupakan kali pertama.

Mahathir ke sidang FAO berjaya

— Dr. Mahathir merupakan pemimpin ke-23 akan berucap pada Syarahan Peringatan McDougall yang diadakan sempena sesi pembukaan sidang dua tahun sekali kali FAO.

Pada tahun 2001, bekas Presiden Chile, Patricio Aylwin Azocar menyampaikan syarahan. Syarahan Peringatan McDougall dimulakan pada tahun 1959 dengan jemputan khas ketika itu ialah Pengarah Institut Diraja Hal Ehwal Antarabangsa Britain, Arnold J. Toynbee.

Antara pemimpin atau tokoh yang turut pernah menjadi tetamu khas Syarahan Peringatan McDougall termasuklah Presiden Tanzania, Julius Nierere pada tahun 1963; bekas Presiden Columbia, Alberto Lieras Camargo; pemenang Hadiah Nobel 1970, Norman E. Borlaug dari Amerika Syarikat; bekas Perdana Menteri India, Indira Gandhi dan bekas Canselor Austria, Bruno Kreisky.

Seperti tetamu-tetamu khas yang lain, Dr. Mahathir

akan diberi kebebasan untuk berucap mengikut tajuk pilihan beliau.

Bagaimanapun, memandangkan FAO merupakan agensi yang memberi tumpuan kepada pembangunan sektor pertanian dan makanan yang seimbang, ucapan Dr. Mahathir dijangka menyentuh soal pengalaman Malaysia membangunkan bidang pertanian dan kemajuan yang dicapai dalam proses pemodenan negara.

Berdasarkan kepada pengalaman Dr. Mahathir sebagai tokoh yang memberikan pandangan berkaitan proses globalisasi, beliau dijangka menyentuh kesan proses itu dengan mengambil kira perkembangan dunia.

Sebagaimana diharapkan oleh Diouf dan perwakilan dari 184 negara anggota FAO, Dr. Mahathir dijangka memberikan input yang mampu membawa satu lagi 'lonjakan idea' kepada agensi PBB itu.

Ucap sulung Dr. Mahathir di FAO dijangka meninggalkan kesan tersendiri. — *Utusan*